

29 MAY 2003

Mahathir-Biografi/I

SUMBANGAN DR MAHATHIR AKAN DIPAPARKAN DALAM PROJEK KHAS

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Sebuah syarikat akan melancarkan sebuah projek bertajuk "A Legend Forever" (ALF) yang akan memaparkan pencapaian dan sumbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam bentuk biografi bercetak dan menerusi laman web.

Projek itu akan dilancarkan oleh Speaker Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail pada satu majlis makan malam di Hotel Sunway Lagoon Resort di sini pada 17 Jun ini.

Laman web berkenaan akan menumpukan kepada pelbagai pencapaian Perdana Menteri yang telah menyentuh kehidupan ribuan rakyat Malaysia dan membawa negara ke barisan depan dalam bidang pembangunan dan perkembangan teknologi, kata Pengarah Acara (Operasi) ALF, Rashid Mansur.

Dalam kenyataannya hari ini, beliau berkata projek itu dikendalikan oleh ALF Promotions dan ALF Group Sdn Bhd yang juga akan menganjurkan Anugerah ALF.

Rashid berkata ALF merupakan projek bersiri yang akan merakamkan sumbangan para pemimpin Malaysia, bermula dengan Perdana Menteri pada masa kini dan diikuti pemimpin yang lain.

Beliau berkata sebahagian hasil jualan meja majlis makan malam itu akan didermakan kepada Persatuan Orang-orang Buta Malaysia (MAB).

"Pembentukan laman web mengenai Malaysia yang paling berprestij itu akan mengandungi semua peristiwa bersejarah negara sejak mencapai kemerdekaan pada 1957," katanya.

"Laman web itu akan menjadi landasan untuk menyebarkan maklumat kepada dunia mengenai negara kita, pemimpin, penduduknya serta memaparkan pencapaian dan sumbangannya," kata Rashid.

Beliau berkata laman web itu akan turut mengandungi fakta mengenai pelancongan, pendidikan, kesihatan, perniagaan dan industri yang akan menarik perhatian pelayar internet.

Rashid berkata buku biografi ALF bertajuk "Mahathir Menjulung Martabat Malaysia" ditulis oleh Zahidi bin Zainol Rashid yang merupakan penulis dua buah buku mengenai Dr Mahathir sebelum ini iaitu "Mahathir Di Mata Umum" dan "Che Det Dan Pekan Rabu".

Laman web berkenaan akan dikendali oleh Prof Datuk Dr Khoo Kay Kim yang juga Ketua Penyelidik dan Penulis ALF, tambahnya.

-- BERNAMA

RAM RAM ABG MOZ